

Kuasa bersyukur



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

UB 25.12.2013 B4

SEBAGAI manusia ciptaan Allah Yang Maha Kuasa, sudah sepatutnyalah kita mensyukuri apa yang ada pada diri kita saat ini. Mungkin kita merasa bahawa apa yang sudah kita miliki belum mencukupi seperti apa yang kita angan-angankan. Pekerjaan atau kerjaya yang sedang kita jalani, tidak kita anggap sebagai pekerjaan atau kerjaya yang begitu berharga sehingga kita tidak menjalankan tugas pekerjaan tersebut dengan sepenuh hati. Lantaran itu akan munculnya sikap yang tidak serius terhadap tugas yang diberikan. Malahan tidak akan ada rasa kebertanggungjawaban kepada apa yang diamanahkan kepadanya. Justeru itu akan lahir sikap-sikap yang negatif seperti ponteng dalam menjalankan kerja dan bekerja sambil lewa kerana merasakan tidak ada sesiapa yang mengetahui tindak tanduk tersebut. Namun begitu sebagai salah seorang yang berpaksaan kehambaan kepada Allah setiap tindak tanduknya akan tetap diperhitungkan di akhirat kelak. Keadaan itu jelas bertentangan dengan konsep bersyukur di atas apa sahaja yang diberikan Allah dalam kehidupannya.

Individu yang mengamalkan konsep kesyukuran di dalam kehidupan seharian akan lebih mudah dalam pencarian rezeki. Ini disebabkan banyak firman-firman Allah yang jelas menunjukkan bahawa "Maka ingatlah kepadaKu, Aku pun akan ingat kepadamu. Bersyukurlah kepadaKu dan

janganlah kamu ingkar kepadaKu." - Surah Al-Baqarah 2:152. Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa semakin hambanya bersyukur dan mengingati Allah maka Allah akan semakin sayang dan sentiasa mengingati hambanya. Lantaran itu sebagai seorang yang bersyukur seharusnya redha dengan setiap pemberian Allah walaupun teramat pahit untuk diterima. Namun sekiranya keyakinan yang tinggi bahawa apa yang berlaku perlu bersyukur dan mengingati bahawa apa sahaja yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya nescaya mampu mententeramkan jiwa yang bergelora. Oleh sebab itu setiap hambanya wajib berbaik sangka kepada Allah kerana hambanya yang berbaik sangka akan sentiasa bersyukur dan yakin tidak ada yang lain kecuali Allah yang mampu membantunya dalam kesusahan dan memberikan kebahagiaan yang diinginkan. Justeru itu individu yang bersyukur tidak akan merungut walaupun sedikit dalam hidupnya.

Kuasa bersyukur adalah satu nikmat yang luar biasa dan hikmah yang besar bagi seseorang mukmin (Yang beriman kepada Allah swt dan hari kiamat]. Bukan sedikit ayatul-quran (firman Allah swt) yang menyebut tentang kesyukuran dan musuh utama kesyukuran adalah kekufuran. Seringkali manusia mempersoalkan tentang "Sampai bila kena asyik bersyukur?" atau rungutan tentang "Kau asyik suruh aku bersyukur sahaja walaupun banyak masalah?" Individu sebegini seolah-olah tidak mempunyai pegangan dalam hidupnya sehinggalah mempertikaikan kuasa Allah kerana setiap apa yang dialami

adalah sebagai kaedah yang terbaik untuk mendekatkan diri kepada Allah dan memohon pertolongan untuk mengeluarkan daripada semua musibah yang dialami. Oleh sebab itu sekiranya kita lihat dan renungkan, ada begitu banyak ayat-ayat firman Allah swt yang menyeru atau mengingatkan kita tentang bersyukur. Kenyataannya bahawa kesyukuran tersebut adalah terletak kepada penzahiran kesyukuran kita dari keikhlasan hati hingga kepada amalan kepada Allah swt dan kekasihNya antaranya melalui solat, sedekah, zakat, selawat, berpuasa, berdoa dan lain-lain amalan.

Lantaran itu prinsip bersyukur akan menjadi 'magnet' minda dan hati kita kepada lebih banyak rahmat Allah swt. Fokus kepada kebaikan dan pada masa yang sama, kita juga disuruh sentiasa memperbaiki diri kita (Dr Azizan Osman). Jika tidak ada masalah, manusia mungkin leka dan lalai. Kita mungkin menjadi bongkak dan sombong. Kita mungkin akan terus kufur di dalam melihat betapa banyaknya nikmatNya dan Dia beri sedikit ujian sebagai ingatan kepada kita yang selalunya berpunca dari kealpaan diri kita sendiri.

Justeru itu sebagai hambanya yang lemah kita seharusnya akur bahawa kehidupan di dunia semuanya sudah diaturkan Allah dan sewajarnya mengejar matawang akhirat iaitu dosa dan pahala melalui amalan bersyukur dalam hidup. Segala yang dikongsikan ini tidak lain untuk mengingatkan diri saya untuk terus bersyukur di sertai dengan amalan yang menzahirkan bukti kesyukuran kita kepada Allah.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP, UMS